

HARI : KHAMIS
TARIKH : 8/8/2019
M/SURAT : 13

KPDNHEP rampas 4,320 cermin mata tiruan

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Kuala Lumpur berjaya merampas 4,320 unit cermin mata pelbagai jenama bernilai RM90,783 dalam satu serbuan di sekitar ibu negara di sini kelmarin.

Dalam serbuan pada pukul 2.30 petang itu telah dilakukan bersama pemilik cap dagang di tiga buah premis di sekitar Wangsa Maju dan Lorong Haji Taib.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri, Azeem Nazuri berkata, pihaknya turut menahan tiga individu termasuk se-

orang wanita berusia dalam lingkungan 20 hingga 50 tahun yang dipercayai bekerja di premis berkenaan.

“Hasil pemeriksaan mendapati, cermin mata sebanyak 4,320 unit itu termasuk bekas simpanan cermin mata didapati menggunakan perihal dagangan palsu,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, statistik sehingga Ogos tahun ini menunjukkan sebanyak 82 kes di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 melibatkan sitaan sebanyak 60,482 unit dengan nilai sitaan berjumlah RM2,214,111 direkodkan.